



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PEMBANGUNAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Tarikh Dibaca :

21 Jamadilawal 1441H/

17 Januari 2020M

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**PEMBANGUNAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

17 Januari 2020M/ 21 Jamadilawal 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينَهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَتَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
 وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
 صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
 تَفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ خَلْقَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا
 آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menyempurnakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberi petunjuk dalam menjalani kehidupan di dunia dan meraih keampunan Allah di akhirat kelak.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk :

“Pembangunan Negara Tanggungjawab Bersama”.



Sidang Jemaah yang berbahagia,

Islam telah mensyariatkan ibadah zakat sebagai cara untuk mengagihkan harta kepada yang berhak. Ia bukan sahaja dapat melepaskan asnaf daripada belenggu kemiskinan bahkan ia juga dapat memastikan kebajikan mereka terpelihara. Inilah sebahagian hikmah ibadah zakat kepada ekonomi umat Islam.

Pada masa yang sama, Islam tidak menolak sistem percukaian yang telah diamalkan setiap negara selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syariat. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Kahfi ayat 94 :

قَالُوا يٰذَا الْقَرْنَيْنِ اِنَّ يٰجُوجَ وَمَاجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْاَرْضِ فَهَلْ جَعَلْ لَكَ خَرَجًا عَلٰى اَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ

سَدًّا ٩٤

Bermaksud : *“Mereka berkata: "wahai Zulkarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?.”*

Imam Al-Syaukani menjelaskan bahawa maksud al-kharaj dalam ayat tersebut adalah ‘apa yang dikutip oleh pemimpin’. Ayat ini menjelaskan bahawa pemimpin perlu mengumpulkan sumber pendapatan negara bagi memelihara kepentingan umum negara dan rakyat, bahkan pemimpin boleh mewajibkan rakyat untuk mengeluarkan sebahagian harta mereka. Ini termasuklah pemimpin boleh mewajibkan rakyat membayar cukai.

Dalam sejarah, kerajaan-kerajaan Islam telah memperkenalkan Jizyah, iaitu cukai yang dikenakan kepada golongan bukan Islam bagi melayakkan



mereka untuk mendapat perlindungan dan penjagaan sama ada harta, keluarga, darah dan lain-lain. Begitu juga Kharaj, cukai tanah yang diperkenalkan pada zaman Saidina Umar Al-Khattab r.a dan juga 'Usyur, iaitu cukai perdagangan. Ia berkembang seiring keperluan semasa sesebuah negara.

Cukai hakikatnya ialah bayaran yang dibayar oleh rakyat untuk kebajikan diri mereka sendiri. Justeru ia secara tidak langsung adalah suatu bentuk kerjasama antara rakyat dengan kerajaan untuk kepentingan bersama. Imam al-Tirmizi r.h telah merekodkan hadith daripada Fatimah binti Qays r.a, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِنَّ فِي الْمَالِ لِحَقًّا سِوَى الزَّكَاةِ

Bermaksud: *"Sesungguhnya pada harta itu ada kewajipan (hak untuk dikeluarkan) selain zakat."*

Jelas sekali menerusi hadith tersebut, masih terdapat lagi komitmen daripada harta yang perlu ditunaikan oleh setiap individu selain daripada zakat. Dalam Islam, sesebuah kerajaan mempunyai hak untuk mewujudkan dasar percukaian dalam memungut hasil kepada negara, selagimana dasar yang digubal menepati prinsip adil, melestarikan kemakmuran negara dan tidak membebankan rakyat.

Justeru, sebagai warganegara yang prihatian, kita mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan ibadah zakat untuk kelangsungan ekonomi umat Islam. Kita juga bertanggungjawab kepada negara melalui pembayaran cukai sama ada cukai pendapatan, cukai perdagangan dan sebagainya.

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah agensi yang memainkan peranan yang penting kepada negara dalam membantu membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur melalui kutipan cukai perkhidmatan, duti import dan eksport, penyediaan kemudahan di pelabuhan dan lapangan terbang, serta lain-lain yang akan memberi hasil kepada negara. Selain itu, antara tugas Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga adalah membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi sepenuhnya. Dengan demikian hasil negara serta kepentingan masyarakat sentiasa dipelihara dan dilindungi tanpa mengganggu transaksi perdagangan yang sah.

Tanggungjawab memungut hasil dan menyediakan fasiliti perdagangan melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang ini adalah bertujuan memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Sebagai agensi pemungut hasil negara yang utama, Jabatan Kastam bukan sahaja menyumbang, bahkan meningkatkan kutipan hasil dari setahun ke setahun. Semua ini mesti dilakukan tanpa menjejaskan prestasi perindustrian negara.

Justeru, bersempena dengan Hari kastam Sedunia ke-38, marilah kita sama-sama memberikan komitmen sebaik mungkin, turut sama dalam membasmi jenayah perdagangan, menolak amalan rasuah dan penyelewengan bagi membantu membentuk persekitaran kondusif dan selamat untuk pembangunan ekonomi. Ini selaras dengan firman Allah SWT menerusi surah al-Taubah, ayat 71:



وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ
سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Bermaksud: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong bagi yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan solat, menunaikan zakat dan taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

Kitaran ekonomi yang positif, adil, saksama dan kondusif bukan sahaja akan menjadikan umat Islam sebagai umat yang berkemampuan serta berdaya saing, malah menjamin Maqasid al-Syariah dalam aspek memelihara harta. Hasilnya, masyarakat Islam akan dapat melahirkan lebih ramai individu yang berkemampuan dari sudut harta sekali gus menjadikan mereka dapat melaksanakan ibadah yang menuntut kepada kemampuan harta yang tinggi seperti melaksanakan ibadah haji dan umrah.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Kita wajib melaksanakan ibadah zakat untuk kelangsungan ekonomi umat Islam dan membayar cukai untuk kemaslahatan negara dan masyarakat.

Kedua: Kitaran ekonomi yang positif, adil, saksama dan kondusif bukan sahaja akan menjadikan umat Islam sebagai umat yang berkemampuan



serta berdaya saing, malah menjamin Maqasid al-Syariah dalam aspek memelihara harta.

Ketiga: Dalam Islam, sesebuah kerajaan mempunyai hak untuk mewujudkan dasar percukaian selagimana dasar tersebut menepati prinsip keadilan, melestarikan kemakmuran negara dan tidak membebankan rakyat.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَآ إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Bermaksud : “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

**KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.



وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوليا سري فِدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،
تُونكو (Tunku) حَاجَه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتِ المَرْحُوْمِ المْتَوَكَّلِ عَلَيَّ
اللهِ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الحَاجِ .

اللّٰهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ المُّؤْمِنِيْنَ وَ المُّؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَّخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ المُّسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ اِلِسْلَامَ وَالمُّسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ المُّسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللهِ،

اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَاِلْحْسَانٍ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.